

ASPIRASI FPP

EDISI 1, 2025

ISSN 2735-0525

FAKULTI PENGURUSAN DAN PERNIAGAAN
UITM CAWANGAN NEGERI SEMBILAN
KAMPUS SEREMBAN

<https://nsembilan.uitm.edu.my>

CABARAN

RAKAN SEKERJA

TOKSIK

KESAN BRICS
KEPADA EKONOMI
DUNIA

MENGUASAI DUNIA COKLAT:
KEJAYAAN PENGUSAHA
CHOCODAP'S

MENILAI KESAN
PENGUNAAN AI
TERHADAP
PEMBANGUNAN
INTELEKTUAL
PELAJAR
UNIVERSITI



ASPIRASI



MENGUASAI DUNIA COKLAT: KEJAYAAN PENGUSAHA CHOCODAP'S

Oleh: Nurul Hanin Izzat Sanin

Seremban, Malaysia – Encik Farhan Zainuddin dan Puan May Sara Nadiah, pasangan di sebalik kejayaan Chocodap's telah mencipta nama dalam dunia keusahawanan dengan usahanya yang luar biasa. Diasaskan pada tahun 2015, perniagaannya kini mendapat perhatian kerana pendekatan unik dalam mengembangkan perniagaan.

LATAR BELAKANG KEHIDUPAN DAN PENDIDIKAN

May Sarah juga mesra disapa Ticer Sarah memulakan langkah menimba ilmu perniagaan berdasarkan pengalaman melihat ibu bapanya berusaha keras untuk berniaga sejak kecil.

"Berkelak imu saya mula jatuh hati dengan dunia perniagaan", ibu tiga anak ini berkata. Beliau juga bersyukur hasil sokongan suaminya yang mempunyai minat yang sama turut melancarkan perjalanan perniagaan Chocodap's.

KERJAYA AWAL SEBELUM MENCEBURI PERNIAGAAN

"Ada masa depan ke kalau kerja jual coklat?" adalah contoh soalan sinis yang sering diajukan kepada pasangan yang nekad menubuhkan jenama Chocodap's melalui FS Mega World Sdn. Bhd. Bukanlah langkah mudah untuk meninggalkan kerjaya tetap untuk menyertai dunia perniagaan coklat. Ticer Sarah yang dahulunya merupakan seorang guru subjek Biologi disalah sebuah sekolah menengah



"Kita perlukan ilmu, bukan nak berniaga saja-saja"


tempat tekad untuk berniaga kerana minat yang mendalam. Beliau percaya bahawa perniagaan itu boleh mengubah kehidupan mereka kerana pengalamannya dan semangat berniaga yang beliau ada sejak kecil.

PERJALANAN DAN PENCAPAIAN KEUSAHAWANAN

"Hampir separuh ruang rumah dipenuhi timbunan kotak coklat sehingga kami terpaksa berpindah ke sebuah rumah kedai di Ampang yang dijadikan kilang pertama Chocodap's pada 2017. Pada tahun sama kami mula menggaji pekerja untuk membantu operasi". Penubuhan Chocodap's hanya bermula dari rumah. Kini, pengeluaran coklat tempatan ini berjaya

membuka dua buah gudang di Seremban 2 dan Ampang yang boleh memuatkan 30 tan coklat dalam satu masa.

Wajah Encik Farhan Zainuddin dan Ticer Sarah mula menghiasi dada akhbar dan televisyen. Pernah muncul dalam segmen khas di program televisyen antaranya Nona TV3, Selamat Pagi Malaysia RTM & Bernama, kejayaan pasangan ini mula mendapat perhatian. Dalam pada masa yang sama Chocodap's telah mempunyai lebih 55,000 ejen dan dropship berdaftar dan turut dibantu oleh 40 orang kakitangan yang cukup komited.



KEPENTINGAN ILMU DEMI PEMBANGUNAN PERNIAGAAN

Sebagai pesanan kepada bakal usahawan, beliau menekankan kepentingan pendidikan dan pengetahuan sebelum memulakan perniagaan.

“Kita perlukan ilmu bukan nak berniaga saja-saja”, katanya menekankan bahawa ilmu dan pengalaman adalah kunci kejayaan dalam dunia keusahawanan.

Untuk memperkukuhkan perniagaan dan mementingkan pembangunan Chocodap's, pasangan usahawan ini rajin untuk menimba ilmu perniagaan melalui tokoh-tokoh perniagaan terkenal seperti Datuk Wira Dr. Azizan Osman dan Najib Asaddok. Latihan ini membantu mereka memahami strategi pemasaran, pengurusan kewangan serta pembangunan produk yang lebih efektif.

Kenangan Terindah Buat Chocodap's

Salah satu kenangan terindah bagi Encik Farhan dan Ticer Sarah adalah ketika jenama Chocodap's mendapat pengiktirafan daripada The BrandLaureate World Halal Best Brand's E-Branding 2020 yang menjadi bukti bahawa usaha keras dan keikhlasan dalam berniaga akhirnya membuahkan hasil. Kejayaan ini bukan sahaja menaikkan jenama beliau tetapi juga memberi motivasi kepada usahawan lain.



Cabaran dan Dugaan dalam Dunia Perniagaan

Seperti kebanyakan usahawan lain perjalanan beliau tidak selalunya mudah. Ticer Sarah mula fokus untuk Chocodap's pada tahun 2019 setelah mengambil keputusan untuk berehat sementara daripada kerjaya tetap namun diuji pula dengan musim pandemik pada tahun 2020. Namun dengan ketabahan dan sokongan keluarga serta berkat menyusun strategi perniagaan melalui atas talian beliau berjaya mengatasinya. Oleh itu hasil jualan Chocodap's pada waktu yang dikhuatiri berjaya mengatasi jualan tahun-tahun sebelumnya.



Pendekatan Hidup dan Peranan dalam Komuniti

Beliau percaya bahawa hidup bukan hanya mengenai kejayaan peribadi tetapi juga memberi manfaat kepada masyarakat. Oleh itu beliau turut aktif dalam perkhidmatan komuniti. Pada masa yang sama beliau menyatakan bahawa Chocodap's kini menawarkan peluang kepada institusi pendidikan untuk mengadakan lawatan ke ibu pejabat mereka.

“Program DIY coklat kami telah menjadi tarikan utama dengan kehadiran maksimum melebihi 100 pelajar dalam satu sesi. Kami juga menyasarkan sekurang-kurangnya 20 lawatan sekolah setiap bulan pada masa akan datang. Tambahannya lagi Chocodap's turut bekerjasama dengan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Negeri Sembilan bagi menarik pelancong ke lokasi gudang Chocodap's di Seremban 2.

“Perancangan ini termasuk pembuatan coklat bar dengan pembungkusan yang menggambarkan identiti Negeri Sembilan dan inisiatif ini dijangka dapat meningkatkan daya tarikan Chocodap's.”



Harapan Masa Depan

Dari orang biasa menjadi luar biasa. Ini kisah mereka yang bermula dari bilik kecil sampai ke gudang. Melangkah ke hadapan Encik Farhan dan Ticer Sarah bercita-cita untuk memperluaskan perniagaannya ke peringkat lebih tinggi sambil terus menyumbang kepada masyarakat.

“Berbekal imu saya mula jatuh hati dengan dunia perniagaan”

